TEPAT & TERKINI

SASBADI


KERTAS PERSEDIAAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Tingkatan 2 KSSM

Berdasarkan

JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

Bahasa Melayu (02)



1 Set Ujian Awal Tahun

1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik

3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

LIVEWORKSHEETS

SET 5

MODEL

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Tingkatan 2

Bahasa Melayu (02/1)

1 jam 30 minit

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	**1 – 15**	15	
B	**1**	2	
	2	2	
	3	4	
	4	2	
	5	10	
	6	10	
C	**1**	15	
Jumlah		**60**	

LIVEWORKSHEETS

Arahan: *Jawab* **semua** *soalan dalam setiap bahagian.*

BAHAGIAN A
[15 *markah*]

Soalan 1 – 2
Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1 Aktiviti berkebun dapat _____ peluh untuk memastikan tubuh badan kekal sihat dan aktif.
- A menerbitkan 出版 publish
- B mengeluarkan 取出
- C menghentikan
- D mengurangkan 减少

Soalan 2 *berdasarkan gambar di bawah ini.*



2 Encik Lim dan rakannya menolak 推 keretanya yang rosak ke _____ jalan.
- A tepi
- B luar
- C tengah
- D penjuru

Soalan 3 – 4
Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** *dengan betulnya.*

3 I Meskipun (cacat 盲 penglihatan) 虽然 tetapi murid itu *cerah* hati dalam pelajaran.
II Wajah Ali tidak *cerah* seperti dahulu semenjak dia menghidap batuk kering.
III Cuaca pada tengah hari ini *cerah* walaupun dijangkakan hujan pada waktu petang.
IV Hidup Encik Fadli semakin *cerah* setelah dia berniaga 做生意 nasi lemak secara kecil-kecilan.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

cerah 晴朗 明亮 有希望 乐观 浅色 思路清晰

LIVEWORKSHEETS

4 I Projek ternakan udang galah itu *menelan* belanja puluhan ribu ringgit.
II Beliau terpaksa *menelan* kepahitan apabila syarikatnya mengalami kerugian yang besar.
III Sungguh cantik rama-rama yang sedang *menelan* madu pada pokok bunga itu.
IV Seorang kanak-kanak dikejarkan ke hospital selepas tanpa sengaja *menelan* sebatang jarum peniti.

A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

menelan ① 吞下 ② 吞噬 Banjir menelan sebuah rumah. ③ 忍受 menelan kekecewaan ④ 接受屈辱 menelan rasa malu

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** *dalam ayat-ayat berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak.**
Tandakan sama ada **A**, **B**, *atau* **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan.**

5 Kesemua peserta seminar bahasa dan kesusasteraan itu diberikan sijil penghargaan.

A Semua-semua peserta
B Semua peserta-peserta
C Kesemua peserta-peserta
D Kesemua peserta

6 Shahril memulangkan semula raket badminton itu kepada abangnya.

A pulangkan raket badminton itu semula
B memulangi semula raket badminton itu
C memulangkan raket badminton itu semula
D memulangkan semula raket badminton itu

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang **betul.**

7 I Malaysia masih dijajah oleh Jepun dari tahun 1941 sehingga 1945.
II Masyarakat Melayu kaya dengan kepelbagaian warisan seni budaya.
III Zamarul menerbangkan lelayang di bendang datuknya pada waktu petang.
IV Buku biografi itu berdasarkan pengalaman pahit manis beliau sebagai seorang guru.

A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

LIVEWORKSHEETS

8 I Udara di kaki gunung itu sungguh segar terutamanya pada awal pagi.
II Berpuluh-puluh buah rumah musnah akibat ribut taufan di kawasan itu.
III Hubungan erat antara ibu bapa dengan anak-anak terbina dari pemupukan kasih sayang.
IV "Penceramah jemputan kitakah belum sampai lagi?" tanya Cikgu Radzi kepada Cikgu Hanisah.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** *atau maksud yang* **paling hampir** *dengan* **ayat yang dicetak tebal**.

9 Penganjuran kejohanan e-sukan berpotensi untuk membuka peluang kepada pelbagai profesion lain.
A Pelbagai potensi dan peluang terbuka hasil daripada penganjuran e-sukan oleh profesion lain.
B Kejohanan e-sukan yang dianjurkan berpotensi untuk membuka peluang kepada profesion-profesion lain.
C Pelbagai profesion lain berpotensi untuk membuka peluang bagi penganjuran kejohanan e-sukan.
D Kejohanan e-sukan yang dianjurkan oleh profesion lain berpotensi membuka pelbagai peluang.

Soalan 10

Pilih **peribahasa** *yang paling* **sesuai**.

10 Amirul bersyukur kerana dia dapat menunaikan janjinya kepada ibu bapanya untuk menggenggam segulung ijazah.

Apakah kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas?
A Rajin dan usaha tangga kejayaan
B Kita harus memberi dan menerima
C Kata dikotakan, janji mesti ditepati
D Otak yang cerdas ada pada badan yang sihat

LIVEWORKSHEETS

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Hamba rakyat tuanku ini sangatlah dianiaya oleh Sang Memerang ke atas patik-patik sekalian, habis rakyat tentera tuanku dimakannya, dan seperti hamba tuanku dan anak-anak didik itu, habislah sudah dimakan, tuanku, oleh Sang Memerang itu. Di dalam suatu lubuk tempat kediaman patik-patik tinggal patik seekor sahaja. Maka inilah berupa kesusahan yang dilihat pacal Sang Udang itu kerana terlebih maklum tuanku fasal melarikan nyawa ini, tiada berketahuan dukacita hati patik kedudukan tiada mendapat aman sentosa sekali-kali. Inilah patik memohon hukum titah Duli yang Maha Mulia *taalif* timbangan yang keadilan di atas antara patik-patik ini dengan Sang Memerang ini, yang selalu suka mengadakan aniaya ke atas patik dengan tiada menaruh kasihan belas, berinsaf-insaf sama-sama hamba Allah dan rakyat tentera Duli yang Maha Mulia ini. Inilah patik pohonkan hukumannya."

Hatta setelah baginda mendengarkan sembah Sang Sebarau itu, baginda pun bertitah kepada Sang Memerang dengan murkanya, titahnya, "Hai Sang Memerang, sebenarnya seperti kata Sang Sebarau ini, selalu engkau *membuat aniaya* ke atas dia sekaliannya? Boleh engkau sembahkan dengan sebenarnya?"

Sembah Sang Memerang dengan ketakutannya, "Harapkan diampun tuanku, beribu-ribu ampun, telah sebenarnyalah seperti sembah Sang Sebarau itu; mengaku kesalahanlah patik-patik yang kedua ini, titah tuanku patik junjung."

Titah baginda, "Hai Syah Alam di Rimba, menanglah engkau; patut engkau diatkan nyawa anak memerang itu ganti nyawa anak dan bini Sang Sebarau ini yang telah dimakan Sang Memerang itu; bukan salah engkau melainkan salah Sang Memerang sendiri anaknya mati dipijak sekaliannya."

Dipetik daripada prosa tradisional 'Pelanduk Mengajar Memerang'
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa,* Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

11 Berdasarkan petikan, rangkai kata *membuat aniaya* membawa maksud

A melihat penindasan.
B melakukan kezaliman.
C menerima penyeksaan.
D mengakibatkan kesakitan.

LIVEWORKSHEETS

12 Sembah Sang Memerang dengan ketakutannya, "Harapkan diampun tuanku, beribu-ribu ampun, telah sebenarnyalah seperti sembah Sang Sebarau itu; mengaku kesalahanlah patik-patik yang kedua ini, titah tuanku patik junjung."

Apakah kata-kata hikmat yang sesuai bagi penyataan di atas?

A Bertangguh itu pencuri masa
B Hidup ini suatu perlumbaan
C Hilang bahasa, lenyaplah bangsa
D Berkata benarlah walaupun kebenaran itu menyakitkan

13 Yang berikut merupakan perwatakan Sang Memerang, **kecuali**

A bersifat mementingkan diri
B tidak mempunyai belas kasihan
C prihatin akan masalah haiwan lain.
D sedar akan penganiayaan yang telah dilakukan terhadap Sang Sebarau.

14 Apakah perkara yang telah terjadi kepada Sang Sebarau?

A Anak dan bininya dimakan oleh Sang Memerang.
B Anak dan bininya dilarikan oleh Sang Memerang.
C Anak dan bininya dipijak oleh Syah Alam di Rimba.
D Lubuk kediamannya telah dimusnahkan oleh Sang Memerang.

15 Yang berikut merupakan penyataan yang benar berdasarkan petikan, **kecuali**

A Nabi Allah Sulaiman tegas dalam membuat keputusan.
B Syah Alam di Rimba telah dipersalahkan oleh baginda.
C Anak-anak memerang mati akibat kesalahan Sang Memerang sendiri.
D Semua haiwan bercerita tentang perkara yang telah berlaku dengan jujurnya.

LIVEWORKSHEETS